



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

TAWARAN
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI STAF BUKAN AKADEMIK IPTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN DI
PERINGKAT SARJANA, SARJANA PERUBATAN DAN PHD BAGI
TAHUN 2025

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin menawarkan Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Staf Bukan Akademik dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar Universiti (HPU) untuk mengikuti pengajian kursus-kursus jangka panjang secara Sepenuh Masa di peringkat Sarjana, Sarjana Perubatan dan Ph.D di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih di Dalam Negara bagi Tahun 2025.

SYARAT UMUM

Pegawai-pegawai yang diperakukan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya

SYARAT KHUSUS

1. PERKHIDMATAN

- a) Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional **lantikan tetap** di Universiti Awam dan Hospital Pengajar Universiti;
- b) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini sebelum atau pada 1 Januari 2024;
- c) Tempoh perkhidmatan minimum pegawai dalam kumpulan P&P pada 1 Januari 2024 adalah seperti berikut:

	Tahun Perkhidmatan
Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	3 tahun dan ke atas

- d) Mencapai purata markah minimum Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% bagi tempoh tiga tahun terakhir berturut-turut (sebelum tahun penawaran) dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- e) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan tugas pegawai dan diperlukan demi kepentingan perkhidmatan; dan
- f) Permohonan disokong oleh Ketua Jabatan dan diperaku oleh Majikan/Pendaftar masing-masing.

2. SYARAT AKADEMIK

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan (pencapaian CGPA minimum 2.75) bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana yang baik bagi pengajian peringkat Ph.D.; dan
- b) Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan dan hanya dibenarkan memohon kursus pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki.

▪ PERINGKAT SARJANA PERUBATAN

- c) Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia bagi Pegawai Perubatan di Hospital Pengajar Universiti;
- d) Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas pendaftaran penuh Majlis Perubatan Malaysia bagi Pegawai Perubatan di Hospital Pengajar Universiti; dan
- e) Pegawai perlu lulus Medical Specialist Pre-Entrance Exam (MEDEX) sebagai salah satu syarat bagi kemasukan Universiti Awam.

3. UMUR

Pegawai mestilah berumur tidak lebih daripada 43 tahun bagi pengajian peringkat kedoktoran (Ph.D) dan 45 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana pada 1 Januari 2025.

4. INSTITUSI PENGAJIAN

- a) Pegawai masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pendidikan tinggi dalam negara atau telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pendidikan tinggi. Senarai Institusi adalah seperti di **Lampiran A**; dan

- b) Pegawai tidak dibenarkan melanjutkan pengajian di universiti yang sama dengan tempat pegawai berkhidmat (pengecualian kepada Pegawai Perubatan di Hospital Pengajar Universiti bagi kategori Klinikal).

5. SYARAT-SYARAT CUTI BELAJAR

Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

Tempoh Kursus yang telah diikuti	Tempoh Menunggu (sehingga 1 Januari tahun penawaran)
Lebih daripada 12 bulan	Selepas genap 2 Tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Selepas genap 1 Tahun

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a) Tidak menerima sebarang bentuk penajaan daripada mana-mana badan penaja lain;
- b) Telah mengisytiharkan harta (termasuk pengisytiharan harta tambahan) dalam tempoh 5 tahun terkini;
- c) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP);
- d) Bebas daripada sebarang pertuduhan/ tindakan tatatertib/ dakwaan mahkamah; dan
- e) Bebas daripada sebarang Penyakit Kronik dan penyakit berjangkit. Senarai Penyakit Kronik adalah seperti di **Lampiran B**.

7. KETUA JABATAN/ MAJIKAN

- a) Ketua Jabatan hendaklah membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan; dan
- b) Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan oleh Ketua Jabatan pada tahun 2025 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk mengikuti pengajian.

8. DOKUMENTASI

- a) Pegawai dikehendaki menyediakan dokumen seperti di **Lampiran C** (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) seperti berikut:

Sarjana	Kerja Kursus	Cadangan pelan pengajian
	Penyelidikan	Kertas cadangan penyelidikan
	Campuran	Cadangan pelan pengajian/ Kertas cadangan penyelidikan
Sarjana Perubatan	Klinikal	Cadangan pelan pengajian/ Kertas cadangan penyelidikan
Ph.D	Penyelidikan	Kertas cadangan penyelidikan

- b) Kulit depan kertas cadangan hendaklah mematuhi format seperti yang telah disediakan. Kulit muka depan serta garis panduan menulis cadangan penyelidikan dan pelan pengajian di **Lampiran C**;
- c) Pegawai hendaklah memuat naik ke dalam sistem permohonan semua dokumen seperti berikut :

BIL	DOKUMEN	FORMAT	SAIZ MAKSIMUM
1.	Gambar berukuran pasport	JPEG	280kb
2.	Rancangan Penyelidikan (proposal) atau Pelan Pengajian yang disahkan *Ketua Jabatan / Penyelia	PDF	1.0mb
3.	Transkrip Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua-duanya (diakui sah)	PDF	300kb
4.	Sijil Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua – keduanya (diakui sah)	PDF	320kb
5.	Senarai tugas terkini yang disahkan oleh Ketua Jabatan	PDF	300kb
6.	Salinan Buku Perkhidmatan Terkini	PDF	300kb
7.	Borang Perakuan Ketua Jabatan	PDF	300kb
8.	Surat Lantikan Pertama ke Perkhidmatan Kerajaan (Terdahulu)	PDF	300kb
9.	Surat Pengesahan Pertama ke Perkhidmatan Kerajaan (Terdahulu)	PDF	300kb
10.	Surat Lantikan Perkhidmatan terkini	PDF	300kb
11.	Surat Pengesahan Jawatan Perkhidmatan terkini	PDF	300kb
12.	Sijil Kompetensi Profesional/MedEx/Dokumen yang menunjukkan Ahli Pengamal Perubatan/ Lain – lain	PDF	300kb

*Nota :

- i. Ketua Jabatan adalah Pendaftar/ Timbalan Pendaftar/ Pengurusan Sumber Manusia sahaja.
- ii. Semua dokumen perlu diakui sah.

- d) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai;
- e) Tanggungjawab pegawai untuk menyemak dan memastikan segala maklumat di ruangan perakuan Ketua Jabatan tersebut dilengkapkan sepenuhnya tanpa ada sebarang kecaciran sebelum borang permohonan lengkap tersebut dikemukakan; dan
- f) Sila rujuk pada pautan **Borang** sebagai panduan :
 - Panduan mengimbas dokumen sokongan
 - Panduan menukar format dokumen ke format PDF
 - Lampiran A : Senarai Institusi Dalam Negara
 - Lampiran B : Senarai Penyakit Kronik
 - Lampiran C : Panduan Menulis Kertas Cadangan Penyelidikan dan Pelan Pengajian

9. PERMOHONAN

- a) Calon-calon yang berminat hendaklah memohon secara atas talian sepenuhnya di pautan berikut: <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> atau melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi (rujuk Pautan Pantas > Permohonan/ Semakan Dibuka).
- b) Permohonan akan mula dibuka pada **2 September 2024 jam 5.00 petang hingga 2 Oktober 2024 jam 5.00 petang**.
- c) Permohonan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar, tidak lengkap, dokumen sokongan yang tidak disahkan atau borang permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Hanya calon yang layak dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk urusan temu duga.
- d) Pemilihan muktamad akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penajaan, Kementerian Pendidikan Tinggi
- e) Permohonan dianggap lengkap dan telah dihantar apabila pemohon menekan butang '**Sah & Hantar**' pada paparan.
- f) Permohonan yang diterima selepas dari jam 5.00 petang tidak akan diproses. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

10. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

PERKARA	NAMA PEGAWAI	NO TEL	EMEL	ALAMAT
Pertanyaan berhubung HLP	Puan Norzila binti Husin	03-8870 6902	slpp@mohe.gov.my	Unit Latihan Dalam Perkhidmatan Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi Aras 2, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62200 PUTRAJAYA
	Cik Nur Iffah binti Mohd Azmin	03-8870 6374		
Masalah teknikal sistem permohonan	itbiasiswa@mohe.gov.my cc: slpp@mohe.gov.my			